



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/7/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPNP			

# Pemulihan HSK Batu Talam disegerakan elak hakisan

JPNP berusaha lakukan penanaman 20,000 pokok hutan

KUANTAN

**K**erja pemulihan kawasan Hutan Simpan Kekal (TSK) Batu Talam, Raub dengan penanaman pokok hutan telah dilakukan bagi mengelak kejadian hakisan tanah dan pencemaran sumber air.

Penolong Pengarah Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Wan Ghazali Wan Ali berkata, pihaknya kini berusaha secepat mungkin untuk menyelesaikan kerja menanam pokok hutan kerana ia merupakan kawasan tadahan air yang telah diwartakan pada tahun 2002.

Menurut beliau, sekiranya pencemaran berlaku, ia akan menjejaskan sumber air penduduk daerah ini.

"Dalam tempoh seminggu program menanam dilakukan, lebih 8,000 pokok berjaya ditanam. Seramai 60 hingga 75 kakitangan JPNP menjalankan kerja menanam setiap hari dan mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan.

"Setakat ini, kita dapat lihat kerjasama terbaik diberikan kakitangan bertugas dan berjaya melancarkan kerja menanam pokok hutan. Mereka begitu bersemangat untuk menyelesaikan tugas berkenaan secepat mungkin seperti dirancang," katanya pada Ahad.

Hutan Simpan Kekal Batu Talam menjadi lokasi operasi muznah bermula pada 3 Julai lalu selepas ia diceroboh pihak tidak bertanggungjawab yang menjadikan kebun durian musang king.

OPERASI TEBANG POKOK DURIAN HARAM DI RAUB



Sinar, 19 Jul 2021\_12

FOTO: IHSAN JPNP



Kerja-kerja penanaman pokok dilakukan bagi mengelak hakisan dan pencemaran sumber air di HSK Batu Talam, Raub.

Operasi menebang pokok durian musang king dijangka mengambil masa sebulan untuk dimusnahkan, namun dalam masa sembilan hari semua pokok berjaya ditebang.

Wan Ghazali berkata, kenderaan pacuan empat roda tidak dapat sampai ke kawasan berkenaan dan aktiviti memindahkan anak pokok terpaksa dilakukan mengguna-

kan bakul raga yang diubah suai untuk digalas.

"Program menanam pokok hutan terdiri daripada jenis merawan, meranti, balau, keruing dan beberapa spesies lain dilakukan tanpa henti hingga selesai. Kira-kira 20,000 pokok akan ditanam dalam kawasan seluas 101 hektar," jelas Wan Ghazali lagi.